

## KEWARTAWANAN DARI WARGA KEPADA WARGA: PUNCA KEWUJUDAN DAN PERKEMBANGANNYA DI MALAYSIA

RANI ANN BALARAMAN & FARIDAH IBRAHIM  
UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

### **Abstrak**

Kebebasan ruang siber yang dinikmati oleh warga Malaysia merupakan kesan daripada pengumuman projek Koridor Raya Multimedia (MSC) oleh Perdana Menteri keempat negara, Tun Mahatir Mohamad yang mengumumkan Rang Jaminan MSC Malaysia yang mengandungi senarai jaminan kerajaan untuk menggalakkan pertumbuhan syarikat berstatus MSC dan industri teknologi maklumat di Malaysia. Terdapat sepuluh perkara dalam rang jaminan berkenaan yang berkaitan dengan pembinaan dan pembangunan Malaysia, bagaimana pun hanya rang yang keenam hingga kelapan merupakan rang yang berkaitan terus dengan perkembangan teknologi maklumat di negara ini. Ketiga-tiga jaminan berkenaan ialah pertamanya, menjadi pendahulu serantau dalam perlindungan hakmilik intelektual dan undang-undang siber, kedua tiada penapisan internet dan yang terakhir ialah menyediakan tarif komunikasi yang kompetitif pada peringkat global. Langkah bekas perdana menteri untuk menarik perhatian pelabur asing ini sebenarnya telah membuka satu era teknologi maklumat di negara ini yang membolehkan rakyat melangkah untuk menikmati kebebasan dalam dunia siber. Salah hasil kelahiran kerana kebebasan itu adalah wartawan warga atau Citizen Journalism iaitu kewartawanan dari warga kepada warga. Tetapi, apa itu wartawan warga dan apakah punca utama kelahiran wartawan warga di negara ini?

**Kata kunci:** Kewartawanan warga, dalam talian, media tradisional, perkembangan, kebebasan siber.

## CITIZEN TO CITIZEN JOURNALISM: ITS EMERGENCE AND DEVELOPMENT IN MALAYSIA

### **Abstract**

Cyberspace freedom enjoyed by Malaysians is the effect of the announcement of the Multimedia Super Corridor (MSC) project by the country's fourth Prime Minister, Tun Mahathir Mohamad. He announced the MSC Malaysia Bill of Guarantees which contains a list of government guarantees to encourage the growth of MSC status companies and the information technology industry in Malaysia. There are ten items in the bill of guarantees in connection with the construction and development of Malaysia, however, only the sixth to the eighth draft of the bill is directly related to the development of information technology in the country. First, to be a regional leader in intellectual property protection and cyber laws. Second, no censorship of the Internet and the last is to provide competitive communications tariffs globally. This step was taken by former prime minister to attract foreign investors, but it has actually opened an era of information technology in the country that allows people to enjoy the freedom of moving in the cyber world. One of the results of this freedom was the birth of Citizen Journalism. But what is citizen journalism and what is the main cause of their birth in this country?

**Keywords:** *Citizen journalism, on line, traditional media, development, cyber freedom.*

### **PENGENALAN**

Kemunculan pelbagai laman sesawang dan web blog merupakan satu perubahan dunia media di Malaysia yang dikenali sebagai media alternatif atau media baru, terpulang kepada bagaimana seseorang hendak mengelarnya, adalah salah satu medium utama yang mampu mencapai masyarakat antarabangsa, terutama selepas tersebar luasnya laman sesawang internet, forum, blog, dan e-mel. Kebanyakan teknologi digambarkan sebagai "media baru" adalah digital. Media baru bukan merupakan program televisyen, filem, majalah, buku, atau penerbitan berasaskan kertas (Bilal Ghait 2010).

Perkembangan arus globalisasi dan teknologi maklumat komunikasi sekitar tahun 1960-an serta jaringan internet mula menjadi media alternatif menggantikan media arus perdana seperti televisyen dan radio (Nur Azween & Nidzam 2008). Salah satu revolusi dari media alternatif ini merupakan kewartawanan warga

atau “Citizen Journalism”. Kewartawanan warga dikatakan sebagai fenomena baru dalam bidang kewartawanan dan mula banyak diteliti oleh para pengkaji baik dalam bidang ilmu komunikasi, politik, sosiologi, dan sebagainya (Rulli Nasrullah 2012).

Setiap warga adalah wartawan (Oh 2004) dan Gillmor (2004) menyatakan aktiviti blogging oleh bloggers telah membuka pintu kepada kemunculan satu lagi penulisan dari masyarakat yang dikenali sebagai kewartawanan warga. Warga atau masyarakat juga sudah diterima sebagai pihak yang berpotensi untuk memainkan peranan yang penting sebagai pemberi informasi (Nah 2009). Wartawan warga boleh berubah menjadi gaya abad ke-21 yang paling ampuh untuk membuat, menyokong, dan membina masyarakat terbuka dan demokratik (Moeller 2009).

Wartawan warga dan aktiviti penyiaran secara sukarela semakin meningkat di negara barat dan negara-negara bukan barat (Karz 2008). Kewartawanan warga berjaya mendapat tapak yang kukuh di negara barat, kini fenomenanya sudah menular ke negara Asia seperti Indonesia, Singapura dan Korea yang masing-masing mempunyai halaman sesawang kewartawanan warga yang berkembang dengan pesat. Contohnya Kompas.com di Indonesia dan Stomp.sg di Singapura. Halaman sesawang kewartawan warga dalam talian yang paling terkenal di Asia ialah OhmyNews dari Korea yang berjaya menarik minat jutaan pembaca setiap hari (Gillmor 2006).

## PERKEMBANGAN KEWARTAWANAN WARGA

Sejarah kewujudan wartawan warga di barat mahupun di Malaysia adalah agak kabur. Bagaimana pun fakta yang menyatakan bahawa blogging merupakan batu asas kepada kemunculan wartawan warga adalah sesuatu yang sukar untuk dinafikan (Chamil Wariah 2012). Blogging menyediakan peluang kepada masyarakat menyebarkan maklumat, idea, pendapat, image, video, serta ruang untuk berdebat dan berbincang tanpa sekatan “gatekeeping” oleh media tradisional. Blogging juga memberikan peluang kepada masyarakat menceritakan kisah mereka dan berbincang mengenai pengalaman mereka dengan blogger yang lain (Gillmor 2004). Manakala Hughes (2010) menyatakan kewartawanan warga dalam talian mula berkembang melalui blog pada lewat tahun 1990-an. Hughes turut berpendapat bahawa perkembangan wartawan warga yang terkini ialah dengan perkembangan media sosial seperti “facebook” dan “Twitter”.

Hughes (2010) menyatakan sebelum kedatangan fenomena blogging, wartawan warga telah dikatakan wujud, iaitu sebelum tahun 1908. Hughes berpendapat pada tahun 1908, Universiti of Missouri-Columbia, Amerika Syarikat, telah mengwujudkan sekolah kewartawanan yang pertama di dunia dan membuka peluang untuk melahirkan wartawan professional. Bagaimana pun wartawan dan media tradisional telah wujud sebelum tahun 1908. Persoalan beliau di sini ialah sebelum tahun 1908, wartawan dan media tradisional telah wujud dan wartawan ini merupakan mereka yang bukan profesional, jadi mereka inilah yang digelar

sebagai wartawan warga.

Kepentingan kewartawanan warga pada masa kini dikesan semasa kejadian pengeboman di beberapa tempat yang menempatkan pengangkutan awam di London pada 7 Julai 2005 (Bruns 2009). Bruns menyatakan kebanyakan kejadian yang berlaku pada hari yang penuh tragedi itu telah dilaporkan terus oleh orang awam yang secara kebetulan berada di tempat kejadian melalui sistem pesanan ringkas (SMS), rakaman telefon, audio dan video. Imej pertama dari pengeboman London itu bukan diterima dari kamera video berkualiti tinggi, dari rangkaian TV atau kamera berkualiti dari wartawan foto amatir. Imej resah gelisah yang disiarkan oleh BBC dan rangkaian berita lain berulang kali itu adalah diambil dari telefon oleh warga yang merupakan mangsa kejadian (Hattotuwa 2007).

Di Malaysia impak wartawan warga mula menunjukkan taringnya sejak 2007. Bidang ini dipelopori dengan mendalam secara formal oleh portal berita Malaysiakini. Portal berita itu dengan kerjasama International Centre for Journalist di US telah memulakan program melatih masyarakat untuk menjadi wartawan warga dari kalangan penduduk negara ini. Program berkenaan merupakan idea daripada pengasas dan CEO Malaysiakini, Premesh Chandran (Komunitikini 2011). Malaysiakini giat menganjurkan pelbagai bengkel untuk melahirkan wartawan warga atas talian dan telah berjaya menganjurkan persidangan kewartawanan warga yang pertama pada 1 dan 2 Mei 2010 di Central Market's Annexe Kuala Lumpur dengan kehadiran 180 wartawan warga dari seluruh Malaysia. Wartawan warga mula menyumbangkan berita di halaman sesawang Komunitikini dan kemudianya pada Mac 2012, Komunitikini ditukar nama menjadi CJ.MY dan menjadi badan bebas dan tidak lagi bernaung di bawah Malaysiakini. Ini bertujuan untuk membolehkan wartawan warga dan kewartawanan warga di negara ini untuk berkembang dan berdiri sendiri di Malaysia.

Dari segi media tradisional pula, fungsi kewartawanan warga kelihatan masih samar, kecuali akhbar komuniti Sinar Harian yang banyak memuatkan isu-isu lokal dan turut mengalu-alukan pembaca menyumbangkan berita di sekitar komuniti mereka untuk dimuatkan dalam surat khabar berkenaan. Ia termasuklah berita kejadian dan berita-berita pendidikan, sukan dan gambar-gambar kejadian yang gagal dirakamkan oleh wartawan sepenuh masa mereka.

Dunia penyiaran negara juga berada pada tahap yang sama seperti media cetak iaitu tidak banyak memaparkan bahan yang dihasilkan oleh masyarakat. Media siaran hanya menyiar audio yang dihantar oleh pembaca mengenai satu-satu kejadian seperti kemalangan, kebakaran dan bencana alam jika kejadian berkenaan gagal dirakam oleh wartawan terlatih mereka. Bagaimana pun terdapat sebuah program bertajuk U-Wartawan dalam saluran berita Astro Awani yang menyiar berita-berita yang dihasilkan oleh penonton. Rancangan terbaru di saluran 501 itu bertujuan mengutarakan pandangan generasi muda terhadap pelbagai isu semasa yang mendapat perhatian dalam dan luar negara ke arah revolusi minda kelas pertama. U-Wartawan pada mulanya bersiaran pada hari Isnin jam 5.30 petang dan diulang siaran pada hari Selasa, Khamis Sabtu dan

Ahad. Tetapi kini bersiaran hanya pada Jumaat jam 10 malam. Penonton dialu-alukan untuk menjadi wartawan warga dengan menghantar pandangan dan temu bual dalam bentuk video. Kesemua rakaman disalurkan oleh penonton melalui halaman sesawang atau halaman sosial rancangan berkenaan (U-wartawan 2011).

Media tradisional di Malaysia, cuma menerima sumbangan kewartawanan warga dalam penerbitan mereka mengikut situasi dan masih tidak membuka ruang untuk wartawan masyarakat. Tetapi peluang ini tercipta di talian, apabila masyarakat bebas menulis dan memuatkannya dalam halaman sesawang tanpa mengalami sebarang sekatan dan diedit oleh editor seperti proses yang berlaku dalam media tradisional.

## **DEFINISI WARTAWAN WARGA**

Wartawan warga atau citizen Journalism merupakan satu gelaran baru kepada pengamal kewartawanan dari masyarakat kepada masyarakat. Kewartawanan warga atau Citizen Journalism turut dikenali dengan pelbagai gelaran yang telah digunakan dan sedang digunakan. Antara gelaran lain tersebut termasuklah network journalism, citizen media, public journalism, participatory journalism atau penyertaan bersama (Moeller 2009), grassroots journalism (Gillmor 2004) open source journalism (Bentley et. al 2007), democratic journalism (Baase 2008), guerrilla journalism (Case 2007), street journalism (Witschge 2009), hyperlocal journalism, distributed journalism (Allan & Thorsen, 2009), audience material, we, media, collaborative journalism, community journalism, pro-am collaboration, crowd-sourced journalism, interactive journalism, networked publishing, bridge media dan random acts of journalism (Kelly 2009). Terdapat juga gelaran lain seperti community Media, user generated content, new media, digital journalism, crowdsourcing, dan social networking (Moeller 2009).

Bagaimana pun gelaran untuk wartawan warga ini tidak harus dikelirukan. Wartawan warga merupakan mereka yang menjalankan tugas kewartawanan tanpa latihan kewartawanan yang formal. Tetapi definisi ini tidak difahami secara mendalam oleh ramai pengkaji yang sering mengkategorikan wartawan profesional juga sebagai wartawan warga apabila mereka menyumbangkan berita dalam halaman blog dan media sosial. Contohnya seperti kewartawanan masyarakat (community journalism) atau kewartawanan sivik yang kedua-duanya diamalkan oleh wartawan profesional. Collaborative journalism juga satu konsep yang berasingan dan amalan oleh wartawan profesional dan bukan profesional yang bekerjasama antara satu sama lain. Begitu juga dengan kewartawanan penyertaan yang membolehkan penyertaan pengguna berita dalam proses membuat berita, tetapi proses ini masih dikawal oleh wartawan profesional dalam media arus perdana (Okoro et. al 2013).

Memberikan definisi yang tepat megenai kewartawan warga adalah sukar kerana masing-masing organisasi media dan individu mempunyai pendapat mereka yang tersendiri mengenai siapa itu wartawan warga dan apa itu

kewartawanan warga. Kewartawanan warga merupakan kata-kata yang mudah tetapi satu konsep yang kompleks (Bentley 2008). Definisi ini juga berubah mengikut peredaran masa. Kewartawanan warga tidak mempunyai definisi yang lengkap (Lasica 2003). Ia adalah mustahil untuk menggunakan definisi yang agak sempit atau definisi yang lebih luas atau longgar (Goode 2009). Kerana kewartawanan warga mempunyai ruang yang luas bergantung kepada tujuannya digunakan, ia adalah sukar untuk didefinisikan (Lewis et. al 2010).

Presiden National Union of Journalists Malaysia (NUJ), Chew Cheng Sung memberikan definisi wartawan sebagai seorang yang menjalankan tugas kewartawanan dalam melaporkan sesuatu berita atau peristiwa tetapi beliau bukan seorang wartawan sepenuh masa atau profesional. Mereka ini merupakan hanya berada di tempat kejadian atau tempat berlakunya berita ketika wartawan suratkhabar yang lain tiada di kawasan kejadian.

Ia juga merujuk kepada seseorang yang mengutip maklumat terhadap sesuatu insiden dan membekalkan berita tersebut kepada media atas talian atau suratkhabar, akan tetapi mereka tidak mempunyai gaji yang tetap. Ganjaran yang mereka terima hanyalah berdasarkan berita yang beliau tulis dan berapa banyak berita yang mereka tulis (Chew Cheng Sung 2012). Istilah kewartawanan warga merujuk kepada penglibatan awam dalam mengumpul, menerbitkan dan mengedarkan bahan berita (Watson 2011).

Kewartawanan warga adalah kewartawanan di mana rakyat biasa mengambil inisiatif untuk melaporkan berita atau meluahkan pandangan tentang kejadian-kejadian dalam masyarakat mereka. Ia adalah berita rakyat, oleh rakyat dan untuk rakyat. Kewartawanan warga adalah bebas dan tidak dikekang oleh proses kewartawanan tradisional dan biasanya berfungsi tanpa melalui proses editorial. Menurut Littau (2007) wartawan warga telah membalikkan proses kewartawanan tradisional iaitu proses ‘penyampai dan penerima’. Wartawan warga tidak terikat dengan istilah konvensional kewartawanan. Wartawan warga mengambil inisiatif untuk meluahkan idea tanpa mengira latar belakang pendidikan atau profesional mereka.

Cormier (2010) menyatakan wartawan warga merupakan orang biasa yang terlibat dalam komuniti dan atau berminat terhadap satu-satu isu. Mereka hendak memberitahu orang lain yang turut berkongsi minat yang sama. Menurut Cormier, wartawan warga boleh terdiri dari sesiapa sahaja yang berumur dari 6 hingga 92 tahun, yang mahukan orang awam dalam komuniti mereka untuk mengetahui dan dimaklumkan dengan tepat mengenai satu-satu isu. Wartawan warga juga menurut Cormier perlu mempunyai minat dalam melaporkan berita, menulis dan juga mempunyai masa untuk berbuat demikian.

Manakala dalam sebuah artikel yang dibentangkan semasa persidangan Third Global Knowledge (2007) menyatakan wartawan warga secara perlahan sedang dilihat sebagai cara demokrasi yang betul dalam memberikan berita, artikel dan sebagainya secara jujur, terus dari masyarakat dari seluruh dunia. Zuckerman (2007) yang merupakan salah seorang pengasas Global Voices iaitu komuniti antarabangsa untuk bloggers dan media warga untuk seluruh dunia menyatakan

terdapat tiga model untuk kewartawanan warga. Pertamanya ialah peluang iaitu berada di tempat yang betul pada masa yang tepat. Kedua ialah penglibatan dalam projek bertema. Manakala yang terakhir pula ialah kepakaran warga berdasarkan perbincangan dan idea pakar.

Wartawan warga kini mengumpul, memproses, menyelidik, melapor, menganalisis dan menyiarkan berita dan maklumat dengan menggunakan pelbagai peralatan teknologi yang boleh diperoleh dengan kemudahan internet. Wartawan warga merupakan label popular yang digunakan untuk menggambarkan sejenis media yang melibatkan penglibatan pembaca yang sederhana. Ia umumnya bermula dengan pendekatan berasaskan web (Bentley et. al 2006). Kewartawanan warga boleh dirujuk sebagai menggunakan alatan dengan tujuan laporan tentang peristiwa. Kemudian, teks dan video dimuat naik terus ke World Wide Web (Badreya Al-Jenaibi 2002).

Kesimpulannya setiap badan media, individu dan mereka yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam industri kewartawanan warga ini masing-masing mempunyai tafsiran definisi mereka yang tersendiri berdasarkan kajian yang mereka lakukan. Bagaimana pun setiap tafsiran yang dibuat ini menyebabkan kewartawanan warga hilang identitinya sebagai wartawan dan menyebabkan siapa sahaja yang memuatkan apa sahaja dalam halaman sesawang dianggap sebagai wartawan warga. Ini merupakan satu perkembangan yang tidak sihat kepada wartawan warga dan dunia kewartawanan itu sendiri. Seharusnya mereka yang aktif dalam memuatkan maklumat tanpa sebarang kajian dan dengan tujuan untuk berkongsi dan berinteraksi digelar sebagai netizen sahaja dan bukannya diberikan gelaran sebagai wartawan warga.

Setelah meneliti kesemua pandangan dari pengkaji lain, penulis bersetuju dengan pendirian Rosen yang menyatakan, walau apa pun gelaran yang digunakan, wartawan warga membawa makna yang sama iaitu masyarakat menyalurkan maklumat dengan menggunakan peralatan media (Rosen 2008), tetapi maklumat itu harus dikaji dan dianalisis kesahihanya agar tidak menyebabkan kerosakan dan impak negatif kepada pihak lain. Wartawan warga juga merupakan satu kumpulan alternatif yang mengumpul, menulis, menganalisis, melapor dan menyebarkan maklumat dan berita dalam pelbagai bentuk media.

Media alternatif iaitu media dalam talian diaggap sebagai medium dan pilihan baru untuk wartawan warga berkembang kerana sifatnya yang bebas, murah, senang dicapai dan cepat. Kumpulan ini cuba menyuarakan pandangan yang bebas, menyuarakan apa yang mereka fikir dan dengar sebagai satu tindak balas terhadap media arus perdana negara ini yang dilihat bersikap berat sebelah dan memilih berita dan hanya mementingkan berita yang mempunyai nilai komersial dan mengabaikan etika kewartawanan.

## **FAKTOR KEWUJUDAN WARTAWAN WARGA DALAM TALIAN DI MALAYSIA**

Setiap kali terjadinya sesuatu peristiwa seperti bencana alam, skandal politik, tragedi kerana keganasan, konflik dan peperangan, maka di sana kepentingan

kewartawanan warga dapat dikesan (Allan & Thorsen 2009). Tetapi dalam situasi kelahiran kewartawanan warga di Malaysia, ia bukanya semata-mata kerana berlakunya bencana alam atau tragedi, tetapi lebih kepada senario politik negara dan juga kegagalan peranan yang dimainkan oleh media tradisional dan undang-undang penerbitan ketat yang diaplikasikan oleh kerajaan Malaysia.

Situasi ini menyebabkan rakyat beralih kepada medium komunikasi baru iaitu internet dan media digital. Internet tidak dikawal oleh mana-mana pihak mahupun gatekeepers seperti yang berlaku dalam kebanyakan media massa arus perdana. Internet adalah penyelesaian kepada kebuntuan untuk mendapatkan maklumat oleh rakyat sekiranya sesebuah negara itu mengenakan sebarang bentuk sekatan terhadap kebebasan medianya menerusi aspek pemilikan mahupun undang-undang (Mohd Amirul Akhbar Mohd Zulkifli, 2011).

Surat khabar dalam talian dan blog dikatakan menjadi alternatif kepada media tradisional (Ali Salman & Mohd Safar Hashim 2011). Menurut kedua-dua sarjana ini kegagalan media tradisional seperti media cetak dan siaran untuk menyiarkan berita yang adil dalam beberapa bidang menyebabkan media baru memikul tugas untuk menutup ruang berkenaan. Media tradisional juga kadang-kadang gagal untuk memberikan perhatian terhadap isu-isu tertentu menyebabkan media baru mengambil alih tugas berkenaan. Walau pun sarjana berkenaan tidak menyatakan secara terus situasi ini menjadi punca kepada kewujudan wartawan warga, tetapi perbincangan kedua-dua serjana ini jelas menunjukkan kewujudan satu demensi baru dalam dunia kewartawanan Malaysia.

Pendapat kedua-dua sarjana ini disokong oleh Maren Perianen (2011) yang merupakan CEO CJ.MY, dan merupakan individu yang membawa masuk konsep kewartawanan warga secara formal ke Malaysia. Beliau berhujah bahawa masyarakat Malaysia, cuba menukar diri mereka menjadi wartawan untuk menutup ruang yang ditinggalkan oleh media tradisional yang sering mengejar berita-berita sensasi, bernilai komersial, politik berat sebelah dan mempunyai kepentingan individu tertentu.

Media baru bukan sahaja telah mengambil alih dan menukar nilai kepercayaan terhadap media tradisi, seperti akhbar dan televisyen, malah turut menyusun semula kepercayaan dan melangsungkan transformasi struktural terhadap sistem hidup manusia. Media baru telah membina posisi yang sangat kuat dan telah mewujudkan kemedian yang lebih terbuka (openness) dan berkesan (effective). Ia dilakukan dalam bentuk yang lebih bebas, mudah dan memiliki tarikan komunikasi secara plural berbanding media tradisi yang masih terkongkong oleh sikap memelihara kepentingan pemilik, dasar yang telah diagendakan berdasarkan kepentingan pemilik, kawalan-kawalan alasan keselamatan nasional dan bentuk serta sistem media tradisi yang satu arah (Abu Hassan Hasbullah 2008).

Kalangan wartawan bukan profesional atau wartawan warga berhujah bahawa kelahiran mereka bukan sekadar sebagai pembekal mencipta permintaan sendiri dalam pasaran maklumat dan idea. Kehadiran mereka adalah adalah untuk memberi kepuasan sebenar kepada pengguna yang tidak dapat dipenuhi oleh

organisasai berita tradisional yang mereka dakwa gagal untuk membekalkan maklumat dan analisis yang diperlukan oleh masyarakat (Chamil Wariya 2012).

Punca kedua yang dapat dikenalpasti dalam kajian ini ialah Pilihanraya Umum yang ke-12 (PRU ke-12) pada tahun 2008. PRU ke-12 merupakan permulaan dan kemuncak wartawan warga menjadi aktif dalam media digital (Maren Perianan 2011). Beliau menyatakan masyarakat cuba menyuarakan pendapat, penilaian dan cuba menjadi sebahagian dari orang yang menentukan keputusan PRU ke-12. Tambahan pula, jelas beliau setiap warga di Malaysia merasakan diri mereka perlu menyumbang sesuatu agar pembaca dapat diberikan maklumat yang tepat dan terkini yang gagal dibekalkan oleh media tradisi, sebelum dan selepas PRU ke-12.

Chamil Wariya (2012) yang menyifatkan blog adalah medium untuk kewartawanan warga berkembang, menyatakan di Malaysia blog mula manarik minat pada tahun 1998 dan penulis-penulis blog pada ketika itu gemar menulis hal-hal politik dan isu semasa sahaja. Beliau menyatakan isu penyingkirkan bekas Timbalan Perdana Menteri, iaitu Datuk Seri Anwar Ibrahim telah mencetuskan pelbagai kontroversi, cerita panas, dan ketidakpuasan hati rakyat Malaysia. Disebabkan itu, maka wujudlah blog-blog yang kononnya membongkar segala rahsia tentang kepimpinan Perdana Menteri ketika itu, Tun Dr. Mahathir Mohamad serta ahli-ahli politik lain (Chamil Wariya 2012).

Abu Hassan Hasbullah (2008) dalam kajian beliau turut bersetuju bahawa kejadian yang berlaku kepada mantan Timbalan Perdana Menteri Malaysia, Datuk Seri Anwar Ibrahim pada 2 September 1998, yang disingkirkan dari jawatannya dan diheret ke mahkamah atas tuduhan rasuah dan sodomi, dan kemudian dipenjarakan telah menjadi punca kemunculan gerakan Reformasi di Malaysia. Abu Hassan menyatakan tidak ada satu pun media tradisional di Malaysia seperti Utusan Malaysia, Berita Harian, New Strait Times, The Star, RTM dan TV3 yang menyiarkan informasi yang sedikit berpihak kepada Anwar.

Ini menyebabkan munculnya generasi baru para jurnalis bebas dengan idealisme kewartawanan baru atau kewartawanan tanpa sempadan dan organisasi. Mereka cuba meluahkan akal rasa dan akal fikir mereka khususnya dalam memperjuangkan keadilan buat Anwar Ibrahim, dan blog menjadi medium terpenting sebagai sumber informasi alternatif mendukung gerakan-gerakan pembebasan Anwar Ibrahim, Reformasi Malaysia, Hak Kebebasan Media dan sebagainya.

Manakala bekas presiden NUJ, Norila (2008) menyatakan terdapat tiga punca kewujudan wartawan warga di Malaysia. Pertamanya, pengamal media di negara ini dikatakan tidak dibenarkan untuk melaporkan berita berunsur penyiasatan terutamanya yang berkaitan dengan ahli politik yang mempunyai latar belakang skandal. Keduanya ialah pengamal media hanya dibenarkan untuk melaporkan berita-berita baik mengenai kerajaan dan tidak berpeluang untuk melaporkan berita tentang kegagalan kerajaan dan pengamal media merasakan mereka tidak berperanan dalam pembangunan negara ini.

Manakala punca ketiga yang diketengahkan oleh beliau ialah pengamal media tradisional ditakutkan dengan Akta Rahsia Rasmi dan Akta Keselamatan Dalam Negara (ISA). Sebab ini dikatakan menjadi penyebab pengamal media tidak dibenarkan untuk menulis kebenaran dan melakukan tanggung jawab mereka dengan bebas. Norila berpendapat penguatkuasaan undang-undang telah membuka ruang kepada kelahiran penulis masyarakat yang kuat di halaman sesawang internet dan blog.

Timbalan Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin Yassin dalam ucapannya semasa Malam Wartawan Malaysia 2010 secara tidak langsung menyatakan ramai wartawan yang mewakili organisasi media baru, termasuk portal berita dan blog terus tumbuh dengan subur dan berkembang pesat kerana pelbagai faktor dan salah satu daripadanya ialah kerana pendidikan. Beliau menyatakan corak pendidikan rakyat negara ini yang membolehkan akhbar, majalah, radio, televisyen dan portal berita dalam pelbagai bahasa dilancarkan (dalam Chamil Wariya 2012: 219).

Jelas beliau tanpa corak pendidikan yang diamalkan di negara ini sejak zaman sebelum merdeka, tidak mungkin kita akan dapat industri media yang begitu majmuk sifatnya serta mencerminkan kepelbagaiannya kaum, bahasa, idea dan pandangan (dalam Chamil Wariya 2012: 219). Pendapat Timbalan Perdana Menteri ini disokong oleh Cheng Sung Chew (2012) yang menyatakan sebab utama bagi kewujudan fenomena kewartawanan warga di negara ini adalah disebabkan latar belakang pendidikan yang berbeza bagi individu yang menjadi wartawan bukan profesional.

Kewartawanan warga berkembang seiring dengan kecanggihan perkembangan teknologi maklumat di Malaysia. Kehadiran internet dan penggunaannya yang meluas dalam waktu yang pantas telah mengubah landskap kewartawanan (Chamil Wariya 2012). Internet merupakan ‘kenderaan’ penting untuk wartawan warga (Avilés 2010). Tanpa Internet dan tanpa orang ramai yang berminat dalam berkongsi pengalaman, kewartawanan warga dalam talian tidak mungkin akan wujud (Watson 2011).

Perkembangan pesat internet, dan media baharu yang diangkat sebagai ruang awam yang diberikan harapan tinggi untuk membekalkan sudut pemberitaan yang berbeza, pandangan dan analisis berlainan, kritikal serta maklumat yang lebih menyeluruh. Berbanding media tradisional, media alternatif baru seperti laman sesawang, e-mel dan blog telah mewujudkan corak penerimaan maklumat yang lebih bebas dan demokratik (Nur Azween Zakaria & Nidzam Sulaiman 2008). Kewartawanan warga bertindak terutamanya sebagai pemantau dan membetulkan media arus perdana (Kalinga Seneviratne 2012).

## **KESIMPULAN**

Kajian ini menyimpulkan bahawa kerajaan merupakan pihak utama yang menyebabkan wujudnya wartawan warga atas talian di Malaysia. Kerajaan Malaysia menjadi pengawal kepada media tradisional dan menetapkan pelbagai

akta dan polisi yang terlalu mengongkong pengamal media tradisional daripada melaporkan apa yang betul-betul berlaku. Manakala kelonggaran dari segi undang-undang yang dinikmati oleh pengamal media di alam siber di menjadi punca kedua kepada kewujudan dan perkembangan selesa kewartawan warga atas talian di negara ini. Golongan ini sedang menutup ruang yang diabaikan dan oleh media tradisional negara dan juga cuba untuk mencipta satu jalan baru untuk menyampaikan apa yang difikirkan dari rakyat kepada rakyat.

Corak ini mampu menarik perhatian pembaca kerana ‘budaya’ yang sedang berkembang di Malaysia sekarang ialah, jika masyarakat gagal mendapat maklumat dalam media tradisional, maka mereka boleh perolehnya dari media alternatif dan turut sama menyumbang apa yang mereka lihat dan dengar. Media alternatif dan wartawan warga sedang memikul tanggung jawab yang berat untuk menyampaikan masej dan berita kepada pembaca yang memberikan keparcayaan kepada mereka.

Walau pun wartawan warga bebas menyuarakan pendapat atas talian, tetapi sebagai golongan yang menyampaikan berita dan berkongsi maklumat dengan individu lain, wartawan warga seharusnya peka dengan kod etika kewartawanan di negara ini, agar penulisan mereka tidak menimbulkan kesusahan dan kerosakan kepada rakyat Malaysia. Antara etika yang perlu mereka fahami ialah hanya menyiarkan berita yang benar dan sahih sumbernya serta melaporkan berita yang adil untuk semua pihak dan bukanya menulis untuk kepentingan satu-satu pihak (NUJM).

Kedua-dua etika ini adalah penting untuk membolehkan wartawan warga mendapat tempat dalam kalangan pembaca Malaysia. Penulisan tanpa fakta dan berat sebelah akan menyebabkan wartawan warga yang mula bertapak di negara ini mengalami krisis ketidakbolehpercayaan dan dilabel sebagai sumber berita yang tidak sah. Jika etika kewartawanan ini tidak diikuti oleh pengamal media di alam siber, kemungkinan besar akan berlaku campurtangan dari pihak kerajaan, yang akan menggunakan senjata ‘undang-undang’ untuk mengawal perkembangan kewartawanan warga di Malaysia. Situasi ini adalah tidak digalakkan dan akan menyebabkan alam siber di Malaysia menjadi hambar.

## ABOUT THE AUTHORS

**Rani Ann** is currently a PhD candidate at the School of Media and Communication Studies, Faculty of Social Sciences and Humanities, Universiti Kebangsaan Malaysia. She can be contacted at the following email address: rani.sinar@hotmail.com atau melalui telefon 0125001677. **Faridah Ibrahim** is an Associate Professor in Journalism at the Faculty of Arts, Communication and Education, Infrastructure Universiti Kuala Lumpur.

## RUJUKAN

- Abu Hassan Hasbullah. 2008. Kuasa Media Baru Menggempur Perubahan Bentuk dan Kandungan Ekoposial di Asia Tenggara-Satu Pembacaan Future Studies. *Jurnal Pengajian Media Malaysia* 10(1): 47-73.
- Ali Salman & Mohd Safar Hasim. 2011. New media and democracy: the changing Political landscape in Malaysia. *AKADEMIKA*, 81 (1): 15-21.
- Allan, S. & Thorsen, E. 2009. Citizen journalism: Global perspectives.(Vol.1). Peter Lang. New York.
- Anon. 2007. Pushing the new envelope: New Media, Citizen Journalism, human rights and development, Third Global Knowledge Conference. Kuala Lumpur. <http://www.docstoc.com/docs/82202580/Cover-page---GK3-Daily-Report> (29 Mei 2013).
- Avilés, J.A.G. 2010. Citizen Journalism in European television websites: lights and shadows of user generated content. *Observatorio (OBS\*) Journal* 4(4): 251-263.
- Baase, S. 2008. A Gift of Fir". Prentice Hall. Edisi ke 3.
- Badreya Al-Jenaibi. 2012. War and the Worlds and the Promise of Social Media Tools. *Journal of Mass Communication & Journalism* 2 (10): 1-12.
- Bentley, C. H. 2011. Citizen Journalism: Back to the Future? Geopolitics, History, and International Relations (1): 103-118.
- Bentley, C. H., Littau, J., Meyer, H., Watson, B., & Walsh, B. 2007. Dlm. Tremayne M. (pnyt.) Citizen journalism: A Case Study, in Blogging, Citizenship, and the Future of Media New York: Routledge. 239-260.
- Bentley, C., Hamman, B., Ibold, H., Littau, J., & Meyer, H. 2006. Sense of community as a driver for citizen journalism. Paper presented at the Civic and Citizen Journalism Interest Group of the AEJMC 2006 Annual Convention. San Francisco, CA:1-23.
- Bilal Ghaith. 2010. New Media: A New Zone for Peace and War, General overview, Arab New Media for Peace and Dialogue. Centre UNESCO de Catalunya Barcelona. 64-66.
- Bruns, A. 2008. News blogs and citizen journalism: New directions for e-journalism. *E-Journalism: New Directions in Electronic News Media*. New Delhi: BR Publishing, 2.1-20.
- Case, J.A. 2007. Recovering the Radical: Biocybernetic Subversion in Guerrilla Video Primer. Kertas dibentangkan pada konvensyen tahunan NCA yang ke 93. TBA Chicago. Nov 15-18. [http://citation.allacademic.com/meta/p195585\\_index.html](http://citation.allacademic.com/meta/p195585_index.html)
- Chamil Wariya. 2012. Kewartawanan dan Media Era Digital: Isu-isu semasa. Kuala Lumpur: Malaysian Press Institute.
- Chew Cheng Sung. 2012. Wartawan Warga di Malaysia. Temu bual, 18 September 2012.

- Cj Conference. <http://dj.my/cj.conference-2010/> (22 Oktober 2010).
- Cormier, S.C. 2010. Citizen Journalist are here to stay. <http://susancormier.com/?paged=5> (14 Ogos 2011).
- Deuze, M. (2009). The Future of Citizen Journalism. Dlm. Allan, S dan Thorsen, E, Citizen Journalism-Global Perspectives, hlm. 225-264 Peter Lang Publishing Inc. New York.
- Gillmor, D. 2004. We The Media: Grassroots Journalism by the People, for the People. Edisi pertama. Sebastopol, CA: O'Reilly Media.
- Gillmor, D. 2006. We the Media Grassroots Journalism by the People for the People. Edisi Paperback. Sebastopol, CA: O'Reilly Media.
- Goode, L. 2009. Social news, citizen journalism and democracy, *New Media & Society* 11(8): 1287-1305.
- Hattotuwa, S. 2007. Who is afraid of citizen journalists? *Communicating Disasters*, TVA Asia Pacific and UNDP Regional Centre in Bangkok. 82-86. [http://66.39.69.227/disastercomm/Chapters\\_in\\_seperate\\_PDFs/Chap-14.pdf](http://66.39.69.227/disastercomm/Chapters_in_seperate_PDFs/Chap-14.pdf) (29 Oktober 2013).
- Hughes, W. 2010. Citizen Journalism: Historical Roots and contemporary challenges. Tesis, Sarjana Muda Sastera, Western Kentucky University, Amerika Syarikat.
- Katz, J. E. 2008. Social Structure, New Communication Technology and Citizen Journalism. Hungarian Academy of Sciences, Budapest Conference. 1: 1-7.
- Kelly, J. 2009. Red Kayaks and Hidden Gold: The Rise, Challenges and Value of Citizen Journalism. Reuters Institute for the Study of Journalism. Department of Politics and International Relations, University Oxford: 1-64.
- Komunitikini <http://komunitikini.com/reviews> (14 Ogos 2011)
- Lasica, J.D. 2003. What is Participatory Journalism. Online Journalism Review. <http://www.ojr.org/ojr/workplace/1060217106.php> (15 November 2010).
- Lewis, S.C., Kaufhold, K. & Lasorsa, D. L. 2010. Thinking About Citizen journalism The philosophical and practical challenges of user-generated content for community newspapers. *Journalism Practice* 4(2), 163-179.
- Littau, J. 2007. Citizen Journalism and community Building: Predictive Measures of Social Capital Generation. Tesis Master of Arts University of Missouri-Colombia, Amerika Syarikat.
- Moeller, S. D. 2009. Media Literacy: Citizen Journalists. The Center for International Media Assistance (CIMA). 1-26. [http://www.africmil.org/publications/CIMA-Media\\_Literacy\\_Citizen\\_Journalists-Report.pdf](http://www.africmil.org/publications/CIMA-Media_Literacy_Citizen_Journalists-Report.pdf) (29 Oktober 2013).
- Mohd Amirul Akhbar Mohd Zulkifli. 2011. Ironi komitmen terhadap ICT: Ancaman blog di Malaysia. *Malaysian Jurnal Komunikasi*. 27(1): 53-72.
- Nah, S. & Chung, D. 2009. Rating Citizen Journalists Versus Pros: Editors's

Views, *Newspaper Research Journal*. 30(2):71-83.

- Norila Mohd Daud. 2008. Trends and Future of the Malaysian Mass Media – Citizen Journalism versus Mainstream Media in Development. South-South Information Gateway Dewan Tunku Canselor, University of Malaya Kuala Lumpur. 1-6. <http://www.ssig.gov.my/wp-content/uploads/2013/07/Norila-Daud.pdf> (15 November 2012).
- NUJM <http://www.nujm.org/aboutus.htm> (14 Ogos 2011)
- NurAzween Zakaria & Nidzam Sulaiman. 2008. Media alternatif sebagai agen perluasan ruang bersuara kajian kes pilihan raya umum ke-12. Prosiding, Seminar Politik Malaysia, Pusat Penerbitan Universiti (UPENA) Universiti Teknologi MARA. 149-260.
- Oh, Yeon Ho. 2004. New Book: 'OhmyNews Story'. [http://english.ohmynews.com/articleview/article\\_view.asp?acticle\\_class=8&no=181975&rel\\_no=1](http://english.ohmynews.com/articleview/article_view.asp?acticle_class=8&no=181975&rel_no=1). (1 Ogos 2011).
- Okoro, N., Diri, C. T., & Odii, C. 2013. Citizen Journalism in Nigeria: Possibilities and Challenges. *New Media and Mass Communication*, 1: 1-9.
- Maren Perianan, Temu bual, 8 Januari 2013.
- Rosen, Jay. 2008. "A most useful Definition of Citizen journalism", PressThink, [http://journalism.nyu.edu/pubzone/weblogs/pressthink/2008/07/14/\\_most\\_useful\\_d.html](http://journalism.nyu.edu/pubzone/weblogs/pressthink/2008/07/14/_most_useful_d.html). (11 November 2010).
- Ross, R & Cormier, SC. 2010. Handbook for citizen journalists. Denver, Colorado: National Association of Citizen Journalists (NACJ).
- Rulli Nasrullah. 2012. Komodifikasi Media Jurnalisme Warga oleh Institusi Media, *Jurnal Semai Komunikasi* 2(2): 85-98.
- Seneviratne, K. 2008. Citizen Journalism – Redefining Journalism Or Cheap Contents? Newsletter of South-South Information Gateway. Jun. 28-29 [http://www.kkmm.gov.my/pdf/buletin\\_ssig/BuletinSSIG\\_7thEdition\\_Jun08.pdf](http://www.kkmm.gov.my/pdf/buletin_ssig/BuletinSSIG_7thEdition_Jun08.pdf) (8 Oktober 2013).
- U-wartawan, <http://u-wartawan.blogspot.com/> (1 Ogos 2011).
- Watson, H., 2011. Preconditions for Citizen Journalism: A Sociological Assessment. *Sociological Research Online* 16(3): 1-12
- Witschge, T. 2009. Street journalist versus 'ailing journalist'? <http://www.opendemocracy.net/article/street-journalists-as-an-answer-to-ailing-Journalism> (1 Ogos 2011).
- Zuckerman E. 2007. Global Voices Online, <http://globalvoicesonline.org/> (5 Februari 2011).